

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009727

MASALAH KETIKA PENYELENGGARAAN LIF

ADILAH BINTI HASHIR

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2009

ABSTRAK

Perkhidmatan penyelenggaraan lif di rumah pangsa sangat penting bagi menjamin tahap keselamatan dan keselesaan pengguna. Namun, pelbagai masalah wujud semasa kerja penyelenggaraan lif dilakukan. Banyak aduan yang dibuat mengenai kelemahan perkhidmatan penyelenggaraan yang dijalankan. Lif yang digunakan di rumah pangsa kerap rosak dan ini menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak penyelenggaraan dan juga penghuni. Punca masalah tersebut datangnya daripada pihak penyelenggaraan dan juga penghuni itu sendiri. Bagi menjawab persoalan ini, kajian telah dilaksanakan terhadap pihak penyelenggaraan bangunan dan juga penghuni rumah pangsa untuk mengenal pasti masalah ketika penyelenggaraan lif dan cara mengatasinya. Sebanyak 10 buah rumah pangsa telah dikenal pasti di sekitar Johor Bahru yang dipilih secara rawak. Bagi setiap rumah pangsa pula dipilih tiga orang penghuni dan seorang responden daripada pihak pengurusan penyelenggaraan bangunan. Borang soal selidik digunakan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Kaedah yang digunakan untuk membuat analisis ialah menggunakan kaedah analisis kekerapan dan skala likert. Kajian mendapati bahawa masalah utama yang biasanya dihadapi oleh pihak penyelenggaraan semasa kerja penyelenggaraan dilaksanakan ialah kekurangan tenaga mahir dan sikap pekerja yang tidak menjalankan tugas dengan baik. Manakala masalah utama yang biasanya dihadapi oleh penghuni rumah pangsa ialah penyukaran pergerakan harian, mengalami masalah kesihatan, marah dan sukar memberi tumpuan kerja. Masalah ini boleh diatasi dengan penggunaan jadual dan mengetatkan undang-undang serta peraturan boleh digunakan oleh pihak penyelenggaraan. Selain itu, penghuni rumah pangsa perlu keluar awal sebelum kerja penyelenggaraan dimulakan. Oleh itu, kajian memperolehi satu cara terbaik untuk menyelesaikan masalah ketika penyelenggaraan lif

ABSTRACT

The maintenance of apartment's lift services are very important to ensure the security level and user convenience. However, there have many problems of lift maintenance works. There have many complaints were made on maintenance service weaknesses which is operate in every apartments. Lift expended at the apartments often damaged and this may cause various problems to make maintenance and also resident parties. These problems came from the maintenance and also resident parties. To answer this question, a study was implemented on maintenance parties and the resident of the apartments to identify the maintenance lift problem at the time they did and the ways to solve these problems. About 10 apartments were identified in Johor Bahru were chosen randomly. For each apartment, the respondents are three residents and one respondent of maintenance management in that building. Questionnaire forms are used to obtain information about objective of the study. This study used to make an analytical frequency and likert scale method to analyze the data. Study found that the main problem which normally faced by maintenance parties during maintenance work implemented was lack of skilled labour and employees attitude who were not carry out their task nicely. While the main problem which normally faced by apartment's residents was difficult of their daily movement, experience health problem, angry and difficult to focus on work. This problem could be overcome with schedule use and tightening laws and rules can be applied by maintenance parties. Apart from that, the residents have to get out early before maintenance work started. As such, this study also obtains a best way to resolve the lift maintenance problems when the maintenance parties want to do that work.